



<b>1. JAWATAN</b>	<b>: PEGAWAI PERANGKAAN KANAN</b>
<b>KEMENTERIAN/JABATAN</b>	<b>: JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI</b>
	<b>JABATAN PERDANA MENTERI</b>
<b>BAHAGIAN</b>	<b>: II</b>
<b>TANGGAGAJI</b>	<b>: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)</b>
<b>KEKOSONGAN</b>	<b>: SATU (1)</b>

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Perangkaan / Matematik / Ekonomi / Perakaunan / Teknologi Info Komunikasi / Perdagangan & Kewangan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang tersebut di atas adalah satu kelebihan.

**DAN**

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi sebagai Pegawai Perangkaan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian yang berkaitan dengan statistik dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 6 tahun.

**ATAU**

- b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi sebagai Penolong Kanan Pegawai Perangkaan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun.



## ATAU

- c) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Penolong Kanan Pegawai Perangkaan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 9 tahun.
2. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERANGKAAN KANAN :**

1. Membantu Penolong Pengarah Perangkaan mengetuai satu Bahagian dan menyediakan pelan kerja tahunan serta membuat pembahagian tugas dan tanggungjawab yang teratur kepada setiap pegawai dan kakitangan di bawah Bahagian yang dipertanggungjawabkan.
2. Menyelaras pengendalian banci, kajian dan sebarang pengumpulan dan penyusunan perangkaan yang berkaitan dengan bidang perangkaan yang dipertanggungjawabkan.
3. Meneliti data dan laporan perangkaan yang disediakan oleh pegawai bawahan untuk dihadapkan selanjutnya bagi ketetapan penyebaran.
4. Memantau perkembangan terkini dalam bidang perangkaan tertentu di peringkat serantau atau antarabangsa.
5. Membuat penyelidikan bagi memulakan pengumpulan dan penyusunan perangkaan yang baru di bawah bidang perangkaan tertentu.
6. Menghadiri mesyuarat, bengkel, seminar atau kursus dalam dan luar negeri yang berkaitan dengan perangkaan yang dianjurkan oleh badan-badan perangkaan serantau dan antarabangsa.
7. Melaksanakan program latihan kakitangan perangkaan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai dan kakitangan di bawah Bahagian yang dipertanggungjawab selaras dengan piawaian perangkaan antarabangsa yang terkini.